



4 Mac 2013
4 March 2013
P.U. (A) 76

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT LABUAN (PINDAAN) 2013

LABUAN COMPANIES (AMENDMENT) REGULATIONS 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SYARIKAT LABUAN 1990

PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT LABUAN (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 146(1) Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*], Menteri, atas syor Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Syarikat Labuan (Pindaan) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2013.

Penggantian Jadual Ketiga

2. Peraturan-Peraturan Syarikat Labuan 2010 [*P.U. (A) 414/2010*] dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL KETIGA

(Peraturan 15 and 16)

BAYARAN FI

<i>Bil.</i>	<i>Butiran</i>	<i>Fi</i> <i>(USD/RM)</i>
1.	Permohonan bagi tempahan nama di bawah subseksyen 21(4).	USD15/RM50
2.	Setiap permohonan bagi kebenaran Menteri untuk menggunakan nama di bawah subseksyen 21(1).	USD100/RM300
3.	Setiap perintah Menteri memberikan kebenaran untuk menggunakan nama di bawah subseksyen 21(1).	USD50/RM150

<i>Bil.</i>	<i>Butiran</i>	<i>Fi</i> <i>(USD/RM)</i>
4.	Pendaftaran syarikat Labuan di bawah subseksyen 15(1) yang modal syer berbayarnya tidak melebihi nilai bersamaan RM50,000.	USD300/RM1,000
5.	Pendaftaran syarikat Labuan di bawah subseksyen 15(1) yang modal syer berbayarnya melebihi nilai bersamaan RM 50,000 tetapi kurang daripada nilai bersamaan RM1 juta.	USD600/RM2,000
6.	Pendaftaran syarikat Labuan di bawah subseksyen 15(1) yang modal syer berbayarnya melebihi nilai bersamaan RM1 juta.	USD1,500/RM5,000
7.	Pemfailan notis di bawah Borang 13 bagi kenaikan modal syer berbayar suatu nilai bersamaan dengan perbezaan (jika ada) antara amaun yang hendaklah dibayar semasa pendaftaran berdasarkan modal yang bertambah dengan amaun yang perlu dibayar berdasarkan modalnya sebelum penambahan dibuat.	Tiada
8.	Penyerahan memorandum dan tatauuran persatuan syarikat Labuan.	Tiada
9.	Penyerahan notis resolusi biasa atau khas dengan Lembaga menurut mana-mana peruntukan Akta atau Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.	Tiada
10.	Permohonan bagi penggulangan syarikat Labuan di bawah seksyen 131.	Tiada
11.	Permohonan oleh syarikat asing untuk didaftarkan sebagai berterusan di Labuan.	USD100/ RM300
12.	Permohonan bagi kelulusan secara prinsip diberikan terdahulu bagi pendaftaran syarikat asing yang berterusan di Labuan.	USD100/RM300

<i>Bil.</i>	<i>Butiran</i>	<i>Fi</i> <i>(USD/RM)</i>
13.	Perakuan bagi mengesahkan kelulusan terdahulu diberikan oleh Lembaga bagi pendaftaran syarikat asing sebagai berterusan di Labuan.	USD30/ RM100
14.	Setiap kelulusan Lembaga terhadap pertukaran nama selain daripada pertukaran nama yang diperintahkan Lembaga di bawah subseksyen 22(3).	USD100/ RM 300
15.	Penyerahan salinan resolusi khas yang mengubah memorandum atau tataurusan persatuan bagi syarikat Labuan di bawah seksyen 24.	Tiada
16.	Pendaftaran syarikat asing sebagai syarikat Labuan asing.	USD2,000/RM6,000
17.	Penyerahsimpanan memorandum pelantikan atau surat kuasa wakil berhubung dengan pelantikan ejen syarikat Labuan asing.	Tiada
18.	Penyerahan salinan yang diperakui bagi suatu piagam, statut atau memorandum dan tataurusan atau surat cara lain yang membentuk atau mentafsirkan perlembagaan syarikat Labuan asing.	Tiada
19.	Penyerahan pulangan tahunan syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing menurut peruntukan Akta atau mana-mana Akta lain atau Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.	Tiada
20.	Penyerahan notis pertukaran nama yang berhubung dengan syarikat Labuan asing.	Tiada
21.	Penyerahan notis pertukaran butiran yang berhubung dengan syarikat Labuan asing.	Tiada
22.	Penyerahan notis likuidasi, pembubaran atau penamatan perniagaan syarikat Labuan asing.	Tiada
23.	Penyerahan notis pelantikan pelikuidasi asing di bawah seksyen 127.	Tiada

<i>Bil.</i>	<i>Butiran</i>	<i>Fi</i> <i>(USD/RM)</i>
24.	Penyerahan notis likuidasi atau pembubaran syarikat Labuan asing.	Tiada
25.	Penyerahan perintah Mahkamah Tinggi mengesahkan pengurangan modal syer dengan Lembaga di bawah subseksyen 53(6).	Tiada
26.	Perakuan yang mengesahkan penyerahsimpanan perintah Mahkamah Tinggi mengesahkan pengurangan modal syer bagi— (a) syarikat Labuan; atau (b) syarikat Labuan asing.	USD15/RM50 USD30/RM100
27.	Penyerahan perisytiharan kesolvenan dengan Lembaga di bawah subseksyen 53(9B) atau 55(3C).	Tiada
28.	Perakuan yang mengesahkan penyerahsimpanan perisytiharan kesolvenan di bawah subseksyen 53(9B) atau 55(3C) yang berhubungan dengan— (a) syarikat Labuan; atau (b) syarikat Labuan asing.	USD100/RM300 USD100/RM300
29.	Penyerahan prospektus atau pernyataan yang dikehendaki di bawah seksyen 70.	USD600/RM2,000
30.	Penelitian apa-apa surat ikatan atau salinan surat ikatan di bawah seksyen 68.	Tiada
31.	Kelulusan Lembaga bagi apa-apa surat ikatan atau salinan surat ikatan di bawah seksyen 68.	USD100/RM300
32.	Penyerahan suatu pernyataan butiran berkenaan dengan gadaian dengan Lembaga.	Tiada